

Kerajaan juga bakal dikenakan bon jaminan ke atas majikan

Levi pekerja asing naik

Kosmo 21/05/2010 M/S 2

PUTRAJAYA - Kerajaan bercadang menaikkan kadar levi pekerja asing mengikut sektor mulai tahun depan dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kadar itu akan ditetapkan secara berbeza-beza mengikut tahap kemahiran pekerja terbabit serta jumlah pekerja asing dalam sesuatu sektor pekerjaan.

"Kita akan teliti mengikut sektor pekerjaan seperti pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, perladangan dan pertanian. Ini bermakna kadar levi akan berbeza mengikut sektor-sektor dan juga daripada jumlah peratusan pekerja yang ada. Lagi besar (ramai) pekerja, mungkin lebih besar levi.

"Selain itu berdasarkan kepada kelayakan. Kalau ada kelayakan (kemahiran), mungkin dia tidak dikenakan levi tinggi tetapi jika tiada kelayakan atau pekerja biasa, maka majikan kena bayar (levi) lebih tinggi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Muhyiddin berkata, Hishammuddin diberi tempoh dua minggu bagi meneliti cadangan kenaikan kadar levi pekerja asing itu yang merupakan antara 50 cadangan yang dikemukakan oleh Makmal Pengurusan Warga Asing.

"Apa pun langkah-langkah untuk mengkaji dan mungkin menaikkan levi itu, kita akan mula kuatkuasakannya pada awal 2011. Kita perlu mengambil masa sedikit,"



MUHYIDDIN (kanan) berbincang sesuatu bersama Hishammuddin (dua dari kiri) dan Musa (kiri) di Putrajaya semalam.

kata Muhyiddin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bercadang untuk mengenakan bon kepada majikan bagi memastikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap pekerja asing masing-masing.

Bayaran bon seperti itu yang telah dilaksanakan di beberapa negara termasuk Singapura bertujuan memantau kemasukan pelawat dan pekerja asing di negara ini.

"Bon ini sebagai jaminan supaya majikan lebih bertanggungjawab jika pekerja mereka lari, berhenti dan sebagainya. Kita belum putuskan (cadangan ini) dan saya minta ia diteliti.

"Kita bersedia mendapatkan input termasuk daripada persatuan-persatuan majikan dan sebagainya sama ada wajar atau tidak bon ini dikenakan terhadap majikan," katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan juga bercadang untuk menawarkan pengampunan terhadap pekerja asing tanpa izin setelah sistem biometrik bagi mengesahkan identiti individu diperkemas.

"Kita bersetuju supaya satu langkah pemutihan diadakan selepas sistem biometrik diperkemas oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan setiap pekerja dan pelawat yang masuk ke Malaysia ada rekod kedatangan," katanya. - Bernama

Presma mahu naik harga makanan jika levi tinggi

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) tidak menolak kemungkinan harga makanan di restoran milik ahli persatuan itu akan turut meningkat jika kadar levi pekerja asing dinaikkan terlalu tinggi.

Presidennya, Noorul Hassan Saul Hameed, pihaknya tidak mempunyai pilihan jika kadar

levi itu dilihat membebankan.

Bagaimanapun, katanya, Presma yang mempunyai 3,000 ahli di seluruh negara akan bersikap tunggu dan lihat sambil berharap kerajaan akan turut mengambil kira pandangan persatuan itu sebelum membuat apa-apa keputusan.

"Jika kenaikan levi ini rendah kita masih boleh serap da-

lam kos tetapi jika terlalu tinggi, kita akan rayu terlebih dulu kepada kerajaan tetapi jika pandangan kita tidak didengari sudah pasti kenaikan harga tidak dapat dielakkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai hasrat kerajaan untuk

menaikkan kadar levi pekerja asing mengikut sektor mulai tahun depan dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Noorul Hassan memberitahu walaupun perniagaan restoran di negara ini bergantung kepada pekerja asing namun pekerja tempatan masih diberi keutamaan.

Majikan gulung tikar jika levi tinggi – MEF

Oleh SUHANA MD. YUSOP
suhana.yusop@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) melahirkan rasa bimbang industri yang bergantung kepada sumber tenaga asing akan gulung tikar jika kerajaan menaikkan levi terlampau tinggi.

Menurut Pengarah Eksekutifnya, Shamsuddin Bardan (**gambar**), para majikan khususnya yang memerlukan tenaga kerja yang ramai pasti terbeban dengan kadar levi yang tinggi.

Katanya, pada masa kini, majikan membayar levi berjumlah RM4 bilion setahun dan sebarang kenaikan akan menyukarkan operasi industri di negara ini.

“Malah kita amat bimbang apabila ada

khobar angin mendakwa levi itu akan dinaikkan sebanyak empat kali ganda berbanding sekarang. Jika begini majikan perlu membayar levi RM16 bilion setahun.

“Keadaan itu boleh menyebabkan industri yang ada di negara ini memindahkan operasi mereka ke negara lain yang kos buruhnya lebih murah,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai hasrat kerajaan untuk menaikkan kadar levi pekerja asing mengikut sektor mulai tahun depan dalam usaha mengurangkan kebergan-

tungan negara kepada tenaga kerja asing.

Ketika ini terdapat kira-kira 1.8 juta pekerja asing berada di negara ini manakala dianggarkan kira-kira 1.8 juta lagi pekerja

asing bekerja secara haram.

Shamsuddin berkata, MEF pada dasarnya menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing tetapi pendekatan menaikkan kadar levi adalah suatu yang kurang adil kepada para majikan.

“Kerajaan perlu faham, mereka (majikan) menggunakan pekerja asing kerana tiada pilihan dan keadaan yang memaksa ekoran tidak ada pekerja tempatan yang ingin bekerja,” ujarinya.

Menurut Shamsuddin, sekiranya pekerja tempatan cukup untuk menampung keperluan, majikan tidak akan menggunakan pekerja asing dan apa yang berlaku sekarang ialah majikan tidak mempunyai pilihan lain.

Beliau berkata, kenaikan itu mungkin akan turut mengakibatkan negara kehilangan pelabur ekoran kos perniagaan yang semakin meningkat selain lawannya daya saing

